

Anak watan tak kenal erti penat

Mahu terus berbakti kepada kampung halaman, berazam untuk ubah nasib anak bangsa dengan ilmu agama



MELAPORKAN
DARI KEMBOJA
KEPADA KAMPUNJUNG

KAMPUNG AMBEL - Perkampungan Ambel terletak jauh di pedalaman Kemboja. Perjalanan dari Lapangan Terbang Antarabangsa Phnom Penh memakan masa hampir enam jam ikut jalan biasa.

Setibanya penulis di sini, kami seramai 30 orang disambut begitu meriah oleh deretan anak kecil.

Turun sahaja dari van, ucapan *Assalamualaikum* bergema dari anak-anak kecil ini. Semangat! Ditambah de-

ngan rasa gembira ada tetamu menjengah mereka.

Bertemu dengan penduduk Islam di sini membuatkan hati penulis begitu tenang. Anak-anak di sini sememangnya tidak menerima pendidikan yang sewajarnya.

Mujur ada beberapa anak watan yang mahu menumpahkan ilmu dengan memberi pendidikan kepada mereka.

Ustaz Muaz Abu Bakar, 30, yang fasih berbahasa Melayu berazam untuk membantu anak-anak di sini

Belajar dalam jurusan tahfiz dari sekolah pondok Terusan Limbat, Kota Bharu, Kelantan, Ustaz Muaz juga

antara tulang belakang dalam program kebajikan yang melibatkan kampungnya.

"Mungkin ramai rakan sebaya saya lebih selesa bekerja di bandar, tetapi saya mahu terus di sini.

"Saya mahu ubah nasib anak-anak dengan memberikan ilmu agama kepada mereka," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Katanya, Al I'tisam Relief (ARP) telah banyak memberikan sumbangan kepada kampungnya.

"ARP menyuntik semangat kami untuk terus kekal. Mereka banyak memberi dorongan untuk saya supaya



HANAFI

terus teguh di sini," katanya.

Seorang lagi sukarelawan yang setia di kampungnya ialah Ustaz Hanafi Saleh, 40.

Sungguhpun tidak menerima pendidikan tinggi, namun Hanafi antara indivi-



MUAZ

du yang banyak membawa perubahan.

"Alhamdulillah, saya bersyukur diperkenalkan dengan ARP. Semuanya bermula pada tahun 2006, ketika itu saya mencari sumbangan lembu

untuk korban di kampung saya," katanya.

Katanya, dengan bantuan pelbagai pihak khususnya dari Malaysia, tidak lama lagi masjid baru di kampungnya akan siap.

"Besarlah harapan kami supaya lebih banyak bantuan demi masa depan anak-anak kecil di sini," katanya.

Penulis bersama rombongan mahasiswa dari Fakulti Sains dan Teknologi Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) dibawa ARP bagi melihat kehidupan penduduk kampung di sini.

Pelbagai aktiviti diadakan yang diharap memberi inspirasi kepada penduduk di sini.